

# Surat Kuan Yew bukan permohonan maaf - Syed Hamid

PUTRAJAYA 3 Okt. - Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar menganggap surat penjelasan Menteri Mentor Singapura, Lee Kuan Yew kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak menggambarkan permohonan maaf yang sebenar.

Beliau menegaskan, surat penjelasan tersebut lebih merupakan penerangan kepada Perdana Menteri berhubung apa yang didakwa mengenai peminggiran secara sistematik masyarakat Cina di Malaysia sebelum ini.

"Saya tidak menganggap ia surat permohonan maaf kerana beliau (Kuan Yew) hanya menjelaskan apa yang dikatakan (tuduhan peminggiran masyarakat Cina di Malaysia).

"Dalam surat itu Kuan Yew hanya menyatakan permohonan maaf kerana menyebabkan timbul ketidakselesaan kepada Perdana Menteri sahaja," katanya kepada pemberita di majlis berbuka puasa di Wisma Putra, di sini hari ini.

Syed Hamid berkata, permohonan maaf kerana menimbulkan rasa tidak selesa kepada Perdana Menteri berbeza dengan permohonan maaf kerana membangkitkan isu peminggiran masyarakat Cina di Malaysia oleh Menteri Mentor tersebut.

Semalam, Kuan Yew dalam surat penjelasannya kepada Abdullah meminta maaf kerana telah menimbulkan rasa tidak selesa kepada Perdana Menteri dan beliau menegaskan perkara itu tidak langsung diingini selepas melalui hubungan bermasalah selama sedekad dengan pemimpin sebelum ini, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Syed Hamid menegaskan, Singapura seharusnya berhati-hati dalam mengeluarkan ke-

nyataan berhubung negara jiran khususnya untuk mengelak timbulnya masalah dalam hubungan bilateral.

Katanya, kedua-dua negara perlu bekerjasama dalam semua bidang tetapi pada masa sama perlu menjaga sensitiviti dan perasaan antara satu sama lain.

Mengenai pendirian Malaysia terhadap surat penjelasan bekas Perdana Menteri Singapura itu, beliau berkata, Perdana Menteri telah menyatakan kedudukan Malaysia dengan jelas dan menerima maklumat kandungan surat berkenaan.